



**PEKELILING PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH
KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

BIL. 1 TAHUN 2008

**SKOP KERJA, FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB
PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN
GRED U32 DI HOSPITAL-HOSPITAL KERAJAAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**UNIT INSPEKTORAT DAN PERUNDANGAN,
PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA.**

Tarikh: 1 Januari 2008.

SKOP KERJA, FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U32

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk mengemaskini dan menjelaskan skop kerja, fungsi dan tanggungjawab Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U32 yang bertugas di hospital-hospital kerajaan (termasuk Hospital Kuala Lumpur).

2. CARTA ORGANISASI

Carta Organisasi Unit Kesihatan Awam adalah seperti di Lampiran 1A dan Lampiran 1B.

3. SKOP KERJA

3.1 Pegawai ini bertanggungjawab terus kepada Pengarah Hospital dari segi pentadbiran, emolumen, pelan tindakan kerja tahunan dan laporan prestasi tahunan. Beliau bertanggungjawab merancang, menyelaraskan, memantau dan melaksanakan aktiviti-aktiviti kesihatan awam di kawasan hospital dan premis-premis lain di bawah pentadbirannya..

3.2 Dari segi teknikal pegawai ini bertanggungjawab kepada Pegawai Kesihatan Daerah di mana beliau bertugas dan bagi Hospital Kuala Lumpur kepada Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Wilayah Persekutuan.

4. FUNGSI

Fungsi-fungsi pegawai ini adalah dalam bidang berikut:

- 4.1. Kawalan Penyakit (termasuk Penyakit Berjangkit, Penyakit Tidak Berjangkit, Penyakit Bawaan Vektor dan AIDS/STI).
- 4.2. Keselamatan dan Kualiti Makanan,
- 4.3. Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan Persekitaran,

4.4 Penguatkuasaan dan Perundangan.

4.5 Laporan Dan Pangkalan Data.

4.6. Promosi kesihatan

5. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab pegawai ini mengikut skop dan bidang tugas adalah seperti berikut:

5.1 AKTIVITI KAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT

Merancang dan melaksanakan segala langkah pencegahan dan pengawalan bagi setiap penyakit agar tidak menular kepada pesakit pesakit lain, anggota dan orang awam semasa di dalam hospital. Aktiviti-aktiviti tersebut ialah:

5.1.1 memantau dan memastikan pelaksanaan sistem notifikasi penyakit berjangkit mengikut perundangan.

5.1.2 pemantauan pelaksanaan prosedur pengasingan semasa pengendalian wad-wad penyakit berjangkit dan pelaksanaan aktiviti kawalan penyakit berjangkit yang berlaku di hospital.

5.1.3 penyiasatan awal dalam kejadian penyakit berjangkit di hospital.

5.1.4 memantau dan memastikan pelaksanaan sistem CDCIS di hospital.

5.1.5 Sekretariat dalam aktiviti kawalan wabak di hospital.

5.2 KAWALAN VEKTOR

Merancang, mengatur dan menyelaraskan kerja-kerja pencegahan dan kawalan penyakit bawaan vektor menerusi aktiviti berikut:

- 5.2.1 Melaksanakan Program Bebas Denggi di Hospital.
- 5.2.2 Memastikan kawasan hospital bebas daripada Lipas, Lalat, Tikus dan Nyamuk (LILATIN).
- 5.2.3 Menyediakan pelan tindakan bagi kerja-kerja *source reduction* bagi mengawal semua jenis nyamuk, dan membuat cadangan untuk mengatasi masalah pembiakan nyamuk.
- 5.2.4 Menjalankan aktiviti promosi kesihatan terhadap kawalan vektor kepada semua kakitangan hospital.

5.3 KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN

Merancang, mengatur dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti berikut:

- 5.3.1 Melaksanakan pemeriksaan semua premis makanan di kawasan pentadbiran hospital.
- 5.3.2 Melaksanakan aktiviti pensampelan dan pemantauan kualiti makanan di premis makanan termasuk dapur hospital.
- 5.3.3 Melaksanakan aktiviti rampasan makanan yang melanggar Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.
- 5.3.4 Menyiasat dan mengambil tindakan terhadap aduan-aduan berkaitan makanan.
- 5.4.5 Memastikan pengendali makanan mengamalkan amalan yang higen.

- 5.4.6 Memantau status pemeriksaan kesihatan pengendali makanan.
- 5.4.7 Bekerjasama dengan Pejabat Kesihatan Daerah di dalam menjalankan penutupan premis makanan di bawah Sek. 10 dan 11 Akta Makanan 1983.
- 5.4.8 Membantu dalam penyediaan kertas siasatan berkaitan tindakan mahkamah kes-kes yang melanggar Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan 1985.
- 5.4.9 Memantau aktiviti penjaja makanan di kawasan hospital.

5.5 KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN

Merancang, melaksana dan memantau program kesihatan dan keselamatan pekerjaan di hospital.

- 5.5.1 Setiausaha Jawatankuasa Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP) hospital.
- 5.5.2 Menjalankan penilaian risiko kesihatan pekerjaan di tempat kerja hospital.
- 5.5.3 Memantau pengendalian bahan-bahan kimia di hospital dengan kaedah Chemical Health Risk Assessment (CHRA).
- 5.5.4 Menyediakan laporan berkaitan penyakit kesihatan pekerjaan dan kemalangan di tempat kerja.
- 5.5.5 Menjalankan penyiasatan penyakit pekerjaan di tempat kerja (hospital) apabila terdapat sesuatu kes serta aduan.
- 5.5.6 Memberi nasihat teknikal berkaitan keselamatan dan kesihatan terhadap semua aktiviti pembangunan, pengubahsuaian dan pemasangan mesin di hospital kepada Jawatankuasa Pembangunan dan Teknikal.

- 5.5.7 Kerjasama antara sektor dalam melaksanakan program dan garis panduan antara agensi-agensi kerajaan dan swasta.
- 5.5.8 Menjalankan latihan kepada anggota hospital berkaitan kesihatan dan keselamatan pekerjaan.
- 5.5.9 Sebagai ahli Jawatankuasa Pelan Tindakan Kecemasan (*Emergency Response Plan*) (ERP) di hospital.

5.6 PENGUATKUASAAN

Merancang, mengurus, menyelaraskan dan menilai aktiviti yang berkaitan dengan penguatkuasaan akta-akta berikut:

- 5.6.1 Akta Makanan 1983
- 5.6.2 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988
- 5.6.3 Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004
- 5.6.4 Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975
- 5.6.5 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994

5.7 KAWALAN HASIL TEMBAKAU

Merancang, mengatur dan menyelaraskan aktiviti penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (PPKHT 2004).

- 5.7.1 Menyediakan Pelan Tindakan aktiviti Penguatkuasaan PPKHT 2004.
- 5.7.2 Melaksanakan Program Bebas Rokok di kawasan hospital.
- 5.7.3 Memberi khidmat nasihat dalam Klinik Berhenti Merokok.

5.8 LAPORAN DAN PANGKALAN DATA

- 5.8.1. Menyimpan dan mengemaskini segala data berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan.
- 5.8.2 Menyediakan laporan secara berkala mengikut aktiviti-aktiviti yang dijalankan kepada pihak tertentu.

5.9. PROMOSI KESIHATAN

Merancang, mengatur dan menyelaraskan aktiviti promosi kesihatan dalam aktiviti kesihatan awam.


6. TARIKH BERKUATKUASA.

Pemakaian Garispanduan ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2008

**UNIT INSPEKTORAT DAN PERUNDANGAN,
PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN
(KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA.**

Tarikh: Disember 2007

**CARTA ORGANISASI
UNIT KESIHATAN AWAM DI HOSPITAL KUALA LUMPUR**



**CARTA ORGANISASI UNIT KESIHATAN AWAM
DI HOSPITAL-HOSPITAL KERAJAAN**

